

# SUNTUSS SYRUP

Dextromethorphan Hydrobromide (5mg per 5ml)  
Diphenhydramine Hydrochloride (10mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Suntuss Syrup
2. Bagaimana Suntuss Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Suntuss Syrup
4. Cara menggunakan Suntuss Syrup
5. Semasa menggunakan Suntuss Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Suntuss Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Suntuss Syrup

Ia digunakan sebagai penahan batuk.

## Bagaimana Suntuss Syrup berfungsi

Bahan-bahan aktif dalam ubat itu adalah Dextromethorphan Hydrobromide dan Diphenhydramine Hydrochloride.

Dextromethorphan adalah penahan batuk. Ia bertindak secara berpusat dengan mengurangkan perasaan yang perlu batuk. Ia juga tidak mempunyai kesan analgesik (penahan sakit) atau kesan sedatif pada sistem saraf, dan tidak apa-apa tindakan farmakologi yang lain.

Diphenhydramine Hydrochloride adalah antihistamina dengan ciri-ciri antikolinergik dan mempunyai kesan sedatif. Antihistamina berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan dalam badan semasa reaksi alergi.

## Sebelum menggunakan Suntuss Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda pesakit dengan penyakit hati.
- Jika anda adalah kanak-kanak di bawah 2 tahun.
- Jika anda batuk yang berterusan atau kronik seperti berlaku dengan merokok, asma atau emfisema, atau di mana batuk disertai oleh cairan yang berlebihan.
- Jika anda mempunyai epilepsi, glaukoma, atau kesukaran membuang air kecil kerana
- pembesaran kelenjar prostat.
- Jika anda melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang memerlukan kewaspadaan mental, seperti memandu kereta atau mengendalikan peralatan, jentera, dan lain-lain.

### - Sebelum mula menggunakan Suntuss Syrup

- Jika anda atau fikir and mungkin mengandung
- Jika anda merancang untuk hamil
- Bagi ibu yang menyusukan

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat yang boleh berinteraksi dengan Suntuss Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda berada di berikut;

- Monoamine Oxidase Inhibitor (MAOI) untuk kemurungan.
- Ubat depresi sistem saraf pusat (CNS) seperti hipnotik, sedatif dan trankuilizer.

## Cara menggunakan Suntuss Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Suntuss Syrup dengan betul seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda mengambil setiap hari akan bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda menetapkan.

Dos yang biasa untuk orang dewasa antara dua sudu teh (10ml) setiap empat jam tidak melebihi dua belas sudu teh (60ml) dalam dua puluh empat jam.

Untuk Kanak-kanak (6 hingga di bawah 12 tahun): Satu sudu teh (5ml) setiap empat jam tidak melebihi enam sudu teh (30ml) dalam dua puluh empat jam.

### - Bila perlu digunakan

Ia perlu diambil sejurus sebelum makan untuk mengelakkan ketidak selesaan perut.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

## Semasa menggunakan Suntuss Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Suntuss Syrup mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan kongsi ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Suntuss Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Dextromethorphan HBr kadang-kadang menyebabkan mengantuk, pening, kehairahan, kekeliruan mental dan gangguan gastro-usus. Dos yang sangat tinggi boleh menghasilkan masalah pernafasan.

Kesan sampingan yang lain adalah:

**Am:** Urtikaria (geligata), ruam yang disebabkan oleh ubat-ubatan, kejutan anafilaktik (reaksi alahan yang serius), kulit sensitif pada cahaya matahari, peluh berlebihan, menggigil, kekeringan mulut, hidung dan tekak.

**Sistem kardiovaskular:** Tekanan darah tinggi, sakit kepala, denyutan jantung tidak teratur, denyutan jantung yang kuat, ekstrasistole (denyutan jantung yang tidak bergantung pada rentak normal).

**Sistem hematologi:** Penghancuran sel darah merah tidak normal, bilangan platelet darah rendah, pengurangan bilangan sel darah putih.

**Sistem Saraf:** Sedatif, mengantuk, pening, gangguan koordinasi, keletihan, kekeliruan, keresahan, keterujaan, gementar, gegaran, cepat marah, insomnia (kesukaran untuk tidur), keriang yang abnormal, paresthesia (sensasi yang tidak normal seperti gigitan semut atau cucukan) penglihatan kabur dan berganda, pening, *tinnitus* (bunyi berdering dalam telinga), labirintitis akut (radang pada telinga), histeria, radang pada saraf, sawan.

**Sistem gastrousus:** Sakit epigastrik, tiada selera makan, loya, muntah-muntah, cirit-birit, sembelit.

Sistem urinari: Peningkatan kekerapan kencing, kesukaran untuk kencing, pengejalan kencing, haid awal.

Sistem pernafasan: Penebalan rembesan bronkial, sesak dada, berdehit, kesesakan hidung.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,  
Taman Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

17/12/2024

**Nombor Siri**

NPRA(R2/1)210223/630

**Cara penyimpanan dan pelupusan Suntuss Syrup**

- Penyimpanan

Simpan bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubat.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Sirap jernih, berwarna perang dengan berperisa ceri.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Dextromethorphan Hydrobromide
- Diphenhydramine Hydrochloride.

- Bahan- bahan tidak aktif

- Citric Acid
- Sodium Benzoate
- Liquid Glucose
- Ponceau C 4R Red
- Cherry Cider PCA5023 Flavour
- Ammonium Chloride
- Saccharin Sodium
- Caramel S5000 Color
- Coarse Sugar
- Purified Water

- Nombor MAL

MAL19860272AZ